

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
KHAMIS, 7 OGOS 2025**

PJL04/02/2025

1

No. Soalan: PL237

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM**

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peratus pekerja tempatan yang terkesan semasa proses pelaksanaan '*downsizing exercise*' syarikat-syarikat di negara ini? Bagaimanakah agensi-agensi berkepentingan bekerjasama memantau '*safety-net*' pekerja ini? Adakah inisiatif latihan/peningkatan kemahiran disediakan untuk mengelakkan impak berpanjangan terhadap kehidupan, sosioekonomi dan kekeluargaan mereka?

JAWAPAN:

Yang Bert hormat Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Bert hormat,

- i. Kaola memahami kebimbangan Yang Bert hormat terhadap pekerja tempatan yang terkesan akibat penyesuaian strategi perniagaan dalam sektor hulu minyak dan gas. Keprihatinan ini adalah selaras dengan keutamaan pihak Kerajaan yang memandang serius dalam memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara, khususnya dalam aspek pekerjaan dan kestabilan sosioekonomi.

-
- ii. Izinkan Kaola memberikan sedikit penjelasan berhubung perkembangan terkini berkaitan proses penyesuaian strategi perniagaan yang sedang dilaksanakan oleh beberapa syarikat dalam sektor hulu minyak dan gas. Pelepasan tenaga kerja yang berlaku di sektor hulu minyak dan gas kebanyakannya melibatkan tenaga kerja kontrak, yang mana kontrak perkhidmatan mereka tidak disambung atau kontrak yang berasaskan projek, iaitu kontrak ditamatkan setelah projek-projek selesai.
 - iii. Di samping itu, jumlah pekerjaan juga terkesan dari skop perkhidmatan-perkhidmatan yang digabungkan dan mengalami perubahan dalam keperluan sumber tenaga manusia. Penggabungan skop perkhidmatan tersebut adalah antara langkah pengoptimuman operasi yang diambil bagi memastikan syarikat kekal berdaya tahan dan berdaya saing dalam landskap sektor tenaga yang semakin mencabar.
 - iv. Proses penyesuaian strategi perniagaan yang sedang dialami di sektor ini diunjurkan akan memberi kesan kepada sekitar 10% daripada jumlah sembilan belas ribu lapan ratus empat belas (19,814) tenaga kerja di syarikat-syarikat perkhidmatan hulu minyak dan gas dalam tempoh dua tahun ke hadapan. Walau bagaimanapun, mereka ini masih berpeluang untuk diserap masuk melalui inisiatif roll over setelah syarikat perkhidmatan yang baru dilantik nanti.
 - v. Yang Berhormat, perlu jua Kaola jelaskan bahawa penyesuaian strategi perniagaan adalah penting bagi memastikan syarikat-syarikat di sektor minyak dan gas kekal berdaya saing. Syarikat seperti Brunei Shell Petroleum (BSP) juga telah memperkenalkan inisiatif yang menawarkan pakej persaraan awal secara sukarela, yang membolehkan ada di antara pekerja yang ikut serta untuk menyumbang kepada ekonomi negara melalui aliran lain, misalnya dengan melibatkan dalam aktiviti perniagaan. Pada tahun 2025 ini, seramai seratus tiga puluh sembilan (139) pekerja Syarikat BSP telah memohon dan seratus tiga puluh tiga (133) orang daripadanya telah diluluskan untuk mengambil pakej ini, iaitu kira-kira 3% jumlah keseluruhan tenaga kerja Syarikat BSP.
 - vi. Sehubungan itu, Jabatan Tenaga akan terus memberi perhatian serius terhadap kebajikan tenaga kerja tempatan yang terjejas, dan komited dalam melaksanakan langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian. Antara inisiatif yang sedang dan terus dilaksanakan termasuklah intervensi Jabatan Tenaga ketika menerima permohonan baru dan membaharui permit kerja tenaga asing bagi sektor tenaga melalui penelitian ke atas *skill sets* tenaga kerja asing dan menyarankan bagi menggantikannya dengan tenaga kerja tempatan yang berkelayakan, serta pepadanan semula pekerjaan melalui

kerjasama erat bersama rakan industri dan Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei). Hasil daripada usaha ini, beberapa tenaga kerja tempatan telah berjaya menggantikan jawatan tenaga kerja asing, dan beberapa tenaga kerja tempatan juga telah berjaya mendapat pekerjaan di sektor bukan minyak dan gas.

- vii. Namun, terdapat beberapa cabaran dalam penempatan semula pekerja-pekerja yang terkesan, termasuk kadar gaji yang lebih rendah di luar sektor minyak dan gas; kesukaran pengangkutan terutamanya bagi pekerjaan di luar Daerah Belait; perjalanan berulang-alik yang jauh dan memenatkan; serta persaingan tinggi dalam pasaran pekerjaan. Ke arah mengatasi cabaran-cabaran tersebut, pihak Jabatan Tenaga dengan kerjasama pihak syarikat perkhidmatan juga berusaha untuk mempersiapkan tenaga kerja tempatan melalui program upskilling serta reskilling bagi memastikan tenaga kerja tempatan dapat bersaing dalam pasaran pekerjaan masa kini.

Yang Berhormat,

- viii. Secara asasnya, mengelakkan kesan jangka panjang terhadap kehidupan, sosioekonomi dan kekeluargaan pekerja bergantung kepada dua perkara: pertama, jenis peluang pekerjaan yang akan wujud pada masa hadapan; dan kedua, usaha serta kesediaan pekerja untuk menyesuaikan diri dengan kemahiran yang diperlukan bagi mengisi peluang tersebut. Latihan semula dan peningkatan kemahiran yang disesuaikan dengan keperluan sebenar pasaran kerja, serta perancangan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti Pusat Pekerjaan Brunei adalah pendekatan terbaik untuk menyediakan penyelesaian jangka panjang dan mampan bagi menangani isu pelarasan tenaga kerja.
- ix. Dalam jangka masa panjang, Jabatan turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan serta institusi pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Institute of Brunei Technical Education (IBTE) dan Politeknik Brunei bagi memastikan kurikulum dan program pengajian selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan sektor tenaga. Usaha ini, insyaAllah, akan membuka laluan kepada peluang kerjaya yang lebih luas dan berdaya saing bagi anak-anak tempatan kitani, termasuk dalam sektor hiliran, tenaga elektrik dan tenaga boleh diperbaharui, selaras dengan hasrat negara untuk memperkembangkan sektor tenaga dan menyokong agenda kepelbagaian ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL234**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM****TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan adakah terdapat perancangan Bank Pusat (BDCB) untuk mengemaskinikan peraturan yang mengawal Institusi Kewangan, khususnya yang dapat merangsang lagi aktiviti ekonomi, meningkatkan tahap pelaburan domestik, membantu pertumbuhan PMKS tempatan, membuka lebih peluang pekerjaan serta meringankan beban pembayaran bagi para peminjam? Ini memandangkan sektor perbankan salah satu pemangkin ke arah menjana pertumbuhan ekonomi mampan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola ingin mengucapkan terima kasih atas pertanyaan **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim**.

Dalam melaksanakan peranannya dalam menjaga kestabilan sektor kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) giat memastikan rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada terus kondusif bagi pembangunan pasaran kewangan domestik, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Sejajar dengan ini, BDCB akan terus menilai dan memastikan kesesuaian rangka kerja pengawalseliaan secara keseluruhan adalah kekal relevan, untuk menjaga kemampanan institusi-institusi kewangan di negara ini serta bagi memastikan perlindungan pengguna kewangan adalah sentiasa terjaga.

Ini adalah termasuk penyelarasan ke atas rangka kerja yang sedia ada bagi memastikan ianya sejajar dengan perkembangan piawaian terkini dan amalan terbaik perbankan antarabangsa. Dalam usaha ini, BDCB akan terus melaksanakan pelbagai perundingan bersama industri dan penglibatan pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas sebelum sebarang peraturan dikuatkuasakan.

Sehubungan dengan ini, ingin dikongsikan beberapa kemajuan dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dibuat oleh pihak BDCB dan juga hasil yang menyokong pengukuhan aspek ekonomi yang lebih menyeluruh.

Pertama, dari segi merangsang lagi aktiviti ekonomi dan meningkatkan tahap pelaburan domestik:

- Sebagai permulaan, bank-bank di Negara Brunei Darussalam kekal berada dalam kedudukan yang kukuh dan stabil untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Bank-bank di Negara ini juga mengekalkan tahap kecairan yang mencukupi untuk dijadikan aset yang produktif bagi mendukung sebarang aktiviti-aktiviti perantaraan kewangan (*financial intermediation*).
- Salah satunya adalah dengan menyalurkan kecairan tersebut kepada pinjaman produktif melalui pemberian had pinjaman tunggal (*Single Borrowing Limit*) yang berpatutan. Berbanding dengan beberapa negara lain, peraturan *Single Borrowing Limit* di Brunei Darussalam adalah lebih fleksibel. Fleksibiliti ini memberikan ruang kepada BDCB untuk menilai dan memastikan projek-projek ekonomi yang berpotensi menyokong pembangunan negara dapat diberikan pembiayaan yang bersesuaian.
- Selain daripada itu, bank-bank di negara ini juga masih berpeluang untuk membiayai projek-projek besar melalui pembiayaan bersindiket (*syndicated loans*) atau secara consortium. Pembiayaan tersebut dianggap lebih berhemah dari segi pengurusan kredit kerana pendedahan risiko kredit dikongsi bersama dan tidak terhad hanya kepada sebuah bank. Di samping memberikan peluang secara sama rata, ia juga mengurangkan tumpuan risiko kepada sesebuah bank.
- BDCB juga terus melaksanakan penelitian penting terhadap peraturan sedia ada. Salah satu hasil daripada usaha ini termasuk mengurangkan nisbah keperluan *Minimum Cash Balance* daripada 6% kepada 5% pada Februari 2025 (efektif April 2025) bagi menyokong dan membolehkan bank-bank meningkatkan dana pinjaman produktif kepada perniagaan-perniagaan dan isi rumah. Pengemaskinian ini bertujuan untuk memberikan fleksibiliti kepada bank-bank menguruskan kecairan harian mereka dengan lebih efisien. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kedua-kedua *Single Borrowing Limit* and *Minimum Cash Balance* ini tertakluk kepada kriteria-kriteria tertentu dipenuhi terlebih dahulu.
- Sebagai pengawalselia sektor kewangan, BDCB juga sentiasa memastikan institusi kewangan terus menyediakan perkhidmatan kewangan yang boleh diakses dan dipercayai. BDCB juga akan terus memantau kedudukan industri

kewangan agar sentiasa dalam keadaan kukuh dan berdaya tahan untuk menyokong aktiviti-aktiviti yang bermanfaat dan mempunyai kesan limpahan kepada ekonomi di Negara Brunei Darussalam, termasuk projek-projek kerajaan. BDCB juga akan terus memperkenalkan peraturan berhemah selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan institusi kewangan kekal selamat dan mampan.

Kedua, dari segi membantu pertumbuhan MSME tempatan dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan, pihak BDCB telahpun mengambil beberapa langkah penting untuk memastikan persekitaran yang kondusif bagi perniagaan di Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam menyokong pertumbuhan sektor mikro, kecil dan sederhana (MSME). Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah termasuk seperti:

- Untuk memudahkan akses pembiayaan untuk MSME, yang mana beberapa inisiatif untuk mengukuhkan lagi infrastruktur kewangan yang berkenaan telah diperkenalkan, seperti Sistem Biro Kredit (2012), Pendaftaran Cagaran (2016), dan Skor Kredit (2018). Inisiatif-inisiatif tersebut telah dapat membantu mengadakan proses penilaian kredit yang lebih objektif, penggunaan cagaran harta alih, serta peningkatan keyakinan institusi kewangan terhadap profil kredit peminjam.

Selain itu, Pengeluaran *Notice on Equity Based Crowdfunding (ECF) Platform Operators* dan *Notice on Peer-to-Peer Financing (P2P) Platform Operators* (2017 & 2019) menetapkan keperluan-keperluan bagi mana-mana syarikat yang ingin mengendalikan platform-platform ECF and P2P di Negara Brunei Darussalam. Notis-notis ini membuka peluang pembiayaan alternatif bagi syarikat start-up dan MSME untuk menjana modal melalui platform ECF dan P2P, serta meningkatkan lagi pertumbuhan dan perkembangan sektor pasaran modal.

Meskipun aktiviti pinjaman kepada perniagaan adalah didorong oleh permintaan daripada perniagaan dan tertakluk kepada *risk appetite* bank, BDCB akan memastikan bahawa rangka kerja pengawalseliaan atau peraturan perbankan tidak akan merumitkan pinjaman ke MSME, di mana peraturan BDCB terhadap perniagaan kebanyakannya adalah lebih longgar berbanding dengan peraturan terhadap pelanggan individu. Sebagai contoh, peraturan pinjaman terhadap pelanggan peribadi individu adalah dikawal – manakala, perkiraan risiko bagi pinjaman kepada MSME diberikan kelonggaran di bawah rangka kerja Capital Adequacy, tertakluk kepada syarat-syarat.

- Dalam mendokong usaha ekonomi digital negara dan menyediakan peluang kepada MSME untuk meneroka bidang start-up dalam sektor teknologi kewangan (FinTech), inisiatif seperti BDCB FinTech Regulatory Sandbox

membolehkan syarikat, khususnya start-up, menguji produk FinTech dalam persekitaran yang lebih fleksibel.

Selain itu, dengan penubuhan Mekar Fintech Innovation Centre sebagai hab kerjasama dan inovasi, PMKS juga berpeluang membangunkan penyelesaian kewangan baharu dan mengembangkan perniagaan mereka dalam ekosistem digital yang semakin berkembang.

- Bagi membantu kerajaan memahami keadaan dan cabaran sebenar perniagaan melalui data dan ulasan bulanan, pihak BDCB telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau *Business Sentiment Index (BSI)* setiap bulan sejak Disember 2021 yang mengukur tahap sentimen dan keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam. Ianya juga boleh membantu pihak kerajaan dalam merangka dasar yang lebih berkesan dan sokongan yang lebih tepat disalurkan kepada sektor-sektor yang memerlukan.

Ketiga, dari segi meringankan beban pembayaran bagi para peminjam, BDCB telah melaksanakan *Total Debt Service Ratio* yang berperanan penting dalam memastikan tahap pinjaman kekal berhemat. Dikuatkuasakan pada 8 Jun 2015, pengenalan *Total Debt Service Ratio* ini antarlainnya bertujuan untuk mengawal tahap pendedahan institusi-institusi kewangan kepada risiko kredit dalam penyediaan kredit kepada sektor isi rumah di samping melindungi para peminjam daripada terperangkap dengan hutang yang tidak terkawal sehingga tidak mempunyai baki gaji yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian mereka. Di samping itu, peraturan *Total Debt Service Ratio* juga bertujuan untuk memastikan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dapat menyediakan perkhidmatan pinjaman kredit yang berkualiti, berdaya tahan dan kompetitif.

Sejak *Total Debt Service Ratio* dikuatkuasakan, BDCB telah membuat beberapa pindaan kepada peraturan ini, selaras dengan persekitaraan ekonomi dan pasaran semasa antarlainnya seperti berikut:

- BDCB telah memperluaskan jenis pendapatan bulanan dalam pengiraan had *Total Debt Service Ratio* peminjam. Dalam hubungan ini, pendapatan pencen bulanan, pendapatan sewa rumah dan pendapatan dari perniagaan sole proprietors bolehlah dipertimbangkan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dalam pengiraan pendapatan bulanan bersih tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
- Sejak 9 haribulan November 2017, BDCB juga memberikan kelonggaran kepada dasar *Total Debt Service Ratio* di mana bank-bank boleh melebihi had maksima 60% bagi beberapa kemudahan kredit. Ini termasuk kemudahan pembiayaan mortgage equity, namun tertakluk kepada beberapa syarat

(seperti hartanah yang dicagarkan hendaklah menjana pendapatan dan bukan satu-satunya hartanah peminjam). Pindaan ini juga diberikan kepada kemudahan kredit yang dijamin sepenuhnya seperti yang dicagarkan dengan wang tunai dan simpanan tetap.

Pindaan-pindaan ini boleh dimanfaatkan oleh peminjam-peminjam yang telah bersara/pencen atau orang-orang yang memperolehi pendapatan yang tidak tetap (non-fixed income). Pada masa yang sama, BDCB akan terus memantau peraturan-peraturan yang dikeluarkan untuk memastikan keberkesanannya. Ini adalah juga untuk membantu meningkatkan lebih banyak aktiviti ekonomi.

Pada masa yang sama, Bank Usahawan Sdn Bhd yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan pada tahun 2017 juga melengkapkan komposisi institusi perbankan dan bertindak sebagai saluran strategik untuk merapatkan jurang dalam membekalkan produk dan perkhidmatan kewangan yang diperlukan oleh perusahaan MSME di negara ini.

Dalam membantu pertumbuhan MSME tempatan, Bank Usahawan giat dalam memberikan kemudahan dari segi pembiayaan kepada perusahaan PMKS di negara ini melalui pembiayaan aset dan pembiayaan modal kerja (*working capital*), yang telah diberikan kepada pelbagai sektor MSME, kebanyakannya kepada sektor perkhidmatan (*services*), pembuatan (*manufacturing*), dan perdagangan (*traders*).

Bagi membantu meringankan beban pembayaran bagi para peminjam di kalangan MSME, perkara ini sudahpun dijelaskan secara perinci oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Usahawan Berhad semasa sesi Pertanyaan Lisan PL241 pada 7hb., Ogos, 2025.

Ke arah usaha berterusan untuk menyumbang kepada perkembangan ekonomi selaras dengan Wawasan Brunei 2035, Bank Usahawan akan terus komited untuk menyokong MSME, khususnya perniagaan baharu dan yang dikendalikan oleh belia tempatan, dalam mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi dan memastikan perkhidmatan yang ditawarkan, khususnya jua dari segi kemudahan pembiayaan, akan lebih inklusif dan mudah diakses.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL236

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan adakah BDCB telah/akan mengeluarkan garis panduan bagi mengawal harga premium agar berpatutan dan *affordable*; memastikan *policy coverage* memenuhi keperluan *policyholders*; dan memantau kesannya terhadap kos perniagaan terutamanya mengambil kira keperluan bagi insurans perubatan bagi penduduk tetap dan pekerja asing? Adakah Kerajaan juga merancang skim perlindungan universal untuk pemegang kad hijau, termasuk pelajar antarabangsa, melalui visa berkaitan?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola ingin mengucapkan terima kasih **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** atas pertanyaan berhubung dengan garis pandu bagi *policy coverage* serta pengawalan harga premium yang mana mengambil kira keperluan insurans perubatan bagi setiap lapisan penduduk dan warga asing.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telahpun memperkenalkan garis panduan pembangunan produk dan penentuan harga bagi syarikat insurans dan pengendali takaful (Guidelines on Product Development and Pricing) masing-masing pada tahun 2021 dan 2022.

Garis panduan ini memberikan panduan amalan baik yang perlu diambil kira oleh pihak syarikat insurans dan pengendali takaful khususnya yang berkaitan dengan pembangunan produk dan penetapan harga, selaras dengan pertimbangan aspek operasi, pengurusan risiko dan kewangan.

Walaupun kadar premium dan sumbangan insurans serta takaful adalah berlainan antara satu syarikat dengan yang lain, perbezaan ini lazimnya mengambil kira beberapa faktor utama. Antaranya termasuk profil risiko pemegang polisi, perlindungan terhadap penyakit sedia ada, dan juga perkhidmatan pesakit luar.

Namun demikian, sebagai pengawalselia sektor insurans dan takaful, BDCB sentiasa mengutamakan perlindungan yang ditawarkan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful adalah bersesuaian dengan keperluan dan risiko setiap pemegang polisi.

Berikutan dengan ini, pada tahun 2022, BDCB juga telah memperkenalkan satu garis panduan bagi pengurusan pengunderaitan dan tuntutan (underwriting and claims management). Ini bagi memastikan strategi, polisi, dan prosedur bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti- aktiviti utama diambil kira dalam rangka kerja risiko setiap syarikat insurans dan pengendali takaful.

Walau bagaimanapun, BDCB akan terus memantau kesan daripada kadar premium dan sumbangan yang ditawarkan, termasuk implikasinya terhadap kos perniagaan. Ini termasuklah keperluan insurans perubatan yang semakin meningkat untuk penduduk tetap dan pekerja asing di negara ini.

Seterusnya, BDCB juga sentiasa memastikan bahawa syarikat- syarikat insurans dan pengendali takaful kekal stabil dan berdaya tahan. Ini penting agar perlindungan insurans yang sedia ada dapat terus meliputi setiap lapisan masyarakat, termasuklah warga asing, selaras dengan dasar yang sedang dikuatkuasakan. Dalam masa yang sama, orang ramai juga digalakkan untuk membuat perbandingan dan memilih produk insurans perubatan yang bersesuaian dengan selera risiko atau risk appetite masing-masing. Ini bagi memastikan perlindungan insurans yang diambil adalah mencukupi, khususnya apabila timbul keperluan untuk membuat tuntutan kos perubatan.

Untuk maklumat lanjut dalam perkara ini, orang ramai bolehlah menghubungi Brunei Insurance and Takaful Association, atau BITA.

Akhir sekali, mengenai dengan “skim perlindungan universal”, ianya tertakluk kepada model yang bersesuaian dan perundingan bersama pemain industri. Walau bagaimanapun, BDCB akan sentiasa memastikan bahawa kos insurans perubatan tidak akan memberikan bebanan yang tinggi kepada warga asing di negara ini, seperti pekerja asing dan pelajar antarabangsa.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL188, PL189 & PL190

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bagaimanakah pendirian Kementerian mengenai integrasi platform *Government Vendor Portal* (GVP) dengan *Bruneian Made* untuk mengoptimumkan keberkesanannya dan cadangan penubuhan satu *dashboard* pemantauan pembelian agensi, untuk memastikan vendor dan usahawan tempatan diberikan keutamaan dalam pembelian yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan sebagai langkah penting memperkukuh ekonomi nasional yang mampan dan berdaya saing?

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bilakah Kementerian akan menetapkan syarat bagi tender-tender berkompleksiti rendah dan sederhana, seperti perkhidmatan pengangkutan sekolah dan pembekalan seragam kerja, untuk dianugerahkan hanya kepada syarikat milik sah yang dioperasikan sepenuhnya oleh warganegara Brunei? Dicapaskan juga penubuhan satu Majlis Tetap untuk memantau pemilikan dan pengoperasian sebenar, pematuhan syarat, dan melaksanakan penguatkuasaan dan tindakan terhadap pelanggaran?

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah langkah Kementerian memastikan penggunaan produk dan perkhidmatan *MSMEs* sebagai dasar tetap dalam acara-acara rasmi kerajaan dan swasta? Ini meliputi aspek seperti katering, cenderahati, dan pakaian persembahan. Pelaksanaannya juga disarankan kepada Kedutaan dan Perwakilan Brunei di luar negara, bagi meningkatkan pertumbuhan, memperkukuh aliran tunai, peluang pekerjaan dan penjenamaan produk tempatan di pasaran global.

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Soalan-soalan PL188, PL189 dan PL190 adalah berkaitan rapat.

Kaola ingin mengucapkan terima kasih atas pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola terlebih dahulu untuk mengongsikan bahawa Dasar Perolehan Kerajaan adalah berasaskan beberapa faktor. Ini termasuklah memastikan perolehan yang dilaksanakan dengan harga yang berpatutan, tiada pembaziran dan mengikut keperluan Kementerian dan Jabatan masing-masing; *Accountable* Telus; Adil; serta dijalankan dengan secara Persaingan Terbuka, dan dengan penuh bertanggungjawab.

Pada dasarnya semua perbelanjaan Kerajaan yang melebihi BND50,000.00 hendaklah dilaksanakan secara tawaran terbuka, iaitu mana-mana syarikat yang memenuhi syarat untuk mengikuti tawaran adalah dibolehkan untuk menyertai tawaran-tawaran berkenaan. Ini adalah juga memastikan adanya proses yang adil dan telus dijalankan. Namun begitu, Kementerian dan Jabatan-Jabatan adalah dibolehkan untuk menetapkan kriteria-kriteria tertentu, contohnya kriteria yang dapat memberi sokongan kepada usahawan-usahawan tempatan. Ini termasuk seperti dengan menetapkan syarat bagi tawaran dibukakan kepada syarikat Warganegara Brunei sahaja atau kepada syarikat-syarikat yang mempunyai 80% pekerja tempatan.

Pertama bagi pertanyaan PL189, berhubung tender-tender berkompleksiti rendah dan sederhana untuk dianugerahkan hanya kepada syarikat milik sah yang dioperasikan sepenuhnya oleh warganegara Brunei. Sebelum mempertimbangkan dasar seperti ini, perlu diteliti jika syarikat-syarikat tempatan mempunyai kepakaran dan kapasiti yang diperlukan untuk melaksanakan projek tersebut. Jika sebaliknya, ini akan menjejaskan pelaksanaan projek atau perkhidmatan yang diperlukan. Sebagai contoh dalam pembekalan seragam kerja, kemungkinan penglibatan usahawan warganegara Brunei adalah masih tidak meluas.

Namun demikian, perkhidmatan pengangkutan sekolah pula, dalam persyaranan tawaran pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ewal Ugama, telah dimasukkan syarat tawaran yang dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya bagi pertanyaan PL188, mengenai cadangan yang telah dikemukakan mengenai pengintegrasian antara *Government Vendor Portal (GVP)* di bawah Jabatan Perbendaharaan dengan platform *Bruneian Made* di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengambil baik cadangan ini iaitu bagi memudahkan pencarian pembekal tempatan

dan juga penyelarasan data-data bagi memantau perkembangan usahawan tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat, *Government Vendor Portal* merupakan modul bagi pembekal untuk mendaftar dan menghadapi tuntutan-tuntutan pembayaran (invois) bagi apa juga perkhidmatan atau perbekalan yang telah dilaksanakan untuk proses pembayaran. Pada masa ini, bagi memastikan adanya proses yang adil dan telus, semua tawaran dan pembelian yang diiklankan adalah dibuat dengan secara terbuka. Namun begitu, Kementerian dan Jabatan-Jabatan adalah dibolehkan untuk menetapkan kriteria-kriteria tertentu, contohnya kriteria yang dapat memberi sokongan kepada usahawan-usahawan tempatan. Ini termasuk seperti dengan menetapkan syarat bagi tawaran dibukakan kepada syarikat bumiputera sahaja atau kepada syarikat-syarikat yang mempunyai 80% pekerja tempatan.

Manakala, *Bruneian Made* merupakan platform di bawah BEDB untuk mempromosikan produk-produk syarikat tempatan dan dipasarkan melalui *Bruneian Made Hub*, yang berlokasi di Rizqun International Hotel dan *Bruneian Made Shelf* yang terdapat di beberapa pasaraya-pasaraya besar di negara ini.

Ini adalah berbeza dengan GVP, yang tertumpu kepada pembayaran daripada pihak Kerajaan kepada pihak perniagaan (G2B).

Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga menyambut baik cadangan penubuhan *dashboard* untuk memantau pembelian agensi. Dengan adanya pemantauan yang rapi ini, pihak Kerajaan akan dapat mempertingkatkan lagi ketelusan dan menyediakan laporan analisa bagi menyokong penambahbaikan dasar perolehan Kerajaan. Data-data yang ada juga akan dapat dijadikan sebagai asas untuk membuktikan kebolehpasaran usahawan tempatan dan mengetengahkan mereka untuk projek berskala besar dan bernilai tinggi.

Berhubung pula dengan pemantauan pemilikan dan pengoperasian syarikat di negara ini, sukacita juga kaola mengongsikan bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN) juga telah mengongsikan akses serta membekalkan maklumat yang berkaitan kepada pihak-pihak berkenaan termasuk pihak Lembaga Tawaran Negara dan Lembaga Tawaran Kecil bagi memudahkan proses penilaian dan pengesahan syarikat-syarikat yang mengikuti tawaran serta perolehan Kerajaan. Di samping itu, di bawah platform One Common Portal, mana-mana pihak juga boleh mendapatkan maklumat-maklumat pemilik syarikat dan nama perniagaan yang berdaftar.

Akhir sekali bagi pertanyaan PL190, Berkenaan usaha untuk meningkatkan lagi penyertaan perusahaan tempatan, khususnya juga MSME, dalam aktiviti-aktiviti perekonomian negara, beberapa inisiatif termasuk melalui penyediaan platform digital sudah ada disediakan:

- DARE Links, merupakan portal B2B (*business-to-business*) yang telah dibangunkan oleh pihak BEDB. Ianya menawarkan peluang bagi pembekalan barangan dan perkhidmatan MSME tempatan, seperti bagi penyediaan katering, cenderahati, logistik, perkhidmatan pembersihan, penyelenggaraan dan sebagainya, kepada agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat komersial, termasuk syarikat Pelaburan Langsung Asing (FDI), syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat *multi-national corporations* (MNCs).
- Sepertimana yang Kaola kongsi tadi, BEDB juga mempromosikan dan mempamerkan produk dan perkhidmatan tempatan melalui platform *Bruneian Made Hub*. Sejak platform tersebut dilancarkan pada tahun 2023, pihak BEDB telah mendapati adanya peningkatan ketara dalam permintaan bagi produk yang dijual untuk dijadikan cenderahati korporat bagi pelbagai agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLCs), serta kedutaan dan perwakilan luar negara.
- Darussalam Assets (DA) juga telah melancarkan platform 'procure.bn' yang menempatkan sebuah direktori pembekal yang boleh diakses secara umum dan mempamerkan syarikat-syarikat pembekal tempatan untuk mempromosikan perusahaan setiap syarikat dan bagi mengalakkan peluang perniagaan secara *business-to-business* (B2B) dan *business-to-consumer* (B2C). Pada bulan November 2024, Fasa 1 telahpun dilancarkan dengan *onboarding* bagi lebih daripada 700 syarikat pembekal dan 12 syarikat di bawah Kumpulan Syarikat DA.

Manakala, berhubung pula usaha untuk meningkatkan penggunaan produk dan perkhidmatan MSME di luar negara BEDB juga bekerjasama secara aktif dengan misi-misi diplomatik Negara Brunei Darussalam di luar negara. Contohnya, pada 25 Februari yang lalu, pihak BEDB telahpun bekerjasama dengan kedutaan NBD di Jepun dan ASEAN-Japan Centre (AJC) untuk menganjurkan bengkel pembangunan kapasiti mengenai Reka Bentuk Pembungkusan dan Pelabelan di Brunei dengan penyertaan lebih 40 MSME tempatan yang berminat untuk menembusi pasaran Jepun. Selain itu, pada Mac 2025, BEDB juga telah memudahcara penyertaan sebanyak 5 MSME tempatan ke Kyoto International Gift Show (KIGS).

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL232

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan dipohonkan bagi pencerahan mengenai Laporan JPES bagi Q1 2025 merekodkan pertumbuhan KDNK -1.8%, yang hampir kesemua pertumbuhan sektor bukan minyak telah terjejas. Apakah penyebab sebenar kemerosotan pertumbuhan ini dan apakah langkah strategik untuk mengekalkan trajektori pertumbuhan positif?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola ingin mengucapkan terima kasih atas pertanyaan **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim**.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku tahun pertama (Q1) 2025 menurun sebanyak -1.8 peratus terutamanya disebabkan oleh **gangguan sementara iaitu penyelenggaraan yang berjadual dan tidak berjadual yang menjejaskan kapasiti pengeluaran** dalam Sektor Minyak dan Gas dan Sektor Hiliran Minyak dan Gas. Keadaan seperti ini adalah lazim bagi industri bekejaan.

Penurunan ini harus dilihat dengan perbandingan pertumbuhan tinggi pada suku pertama tahun 2024 sebanyak 7.2 peratus (yang telah dikemaskini pada Jun 2025) yang telah menyebabkan prestasi suku pertama tahun 2025 kelihatan lebih lemah.

Walaupun pertumbuhan KDNK pada suku pertama (Q1) 2025 mencatatkan penurunan sebanyak -1.8% peratus, dari segi nilai KDNK, prestasi nya masih berada pada tahap yang tinggi jika dibandingkan dengan suku pertama (Q1) 2023 dan tahun-tahun kebelakangan.

	Q1 2023	Q1 2024	Q1 2025
KDNK (BND Juta)	4,745.6	5,087.3	4,994.9
Pertumbuhan (%)	0.8	7.2	-1.8

Perkara ini turut dicerminkan dalam prestasi beberapa subsektor, yang mana walaupun mencatatkan penurunan pada suku pertama (Q1) 2025, dari segi nilai KDNK masih antara yang tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Sebagai contoh, subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia mencatatkan penurunan sebanyak -7.8 peratus pada suku pertama (Q1) 2025. Jika di lihat dari segi nilai KDNK, subsektor ini mencatatkan nilai sebanyak BND367.3 juta pada suku pertama (Q1) 2025, iaitu sedikit menurun berbanding BND398.3 juta pada Q1 2024. Walau bagaimanapun, nilai ini pada suku pertama (Q1) 2025 masih jauh lebih tinggi berbanding Q1 2023 (BND314.2 juta) dan tahun-tahun sebelumnya.

Bagi Subsektor Lain-lain Pembuatan, ianya mencatatkan penurunan sebanyak -14.6 peratus pada suku pertama (Q1) 2025. Jika di lihat dari segi nilai KDNK, subsektor ini mencatatkan nilai sebanyak BND37.8 juta pada suku pertama (Q1) 2025 yang menurun berbanding BND44.2 juta pada Q1 2024. Walaubagaimanapun, nilai ini pada suku pertama (Q1) 2025 adalah masih jauh lebih tinggi berbanding suku pertama (Q1) 2023 yang mencatatkan BND36.2 juta dan tahun-tahun sebelumnya.

Similar pattern, bagi Subsektor *Perkhidmatan Perniagaan*, ianya mencatatkan penurunan sebanyak -4.0 peratus pada suku pertama (Q1) 2025. Jika di lihat dari segi nilai KDNK, subsektor ini mencatatkan nilai sebanyak BND143.0 juta pada suku pertama (Q1) 2025 yang sedikit menurun berbanding BND149.0 juta pada suku pertama (Q1) 2024. Namun, nilai ini pada suku pertama (Q1) 2025 adalah lebih tinggi berbanding Q1 2023 yang mencatatkan BND142.3 juta dan tahun-tahun sebelumnya.

Oleh itu, dalam menilai prestasi KDNK, adalah penting untuk kita tidak hanya melihat kepada prestasi bagi satu tempoh sahaja. Aktiviti ekonomi sememangnya berubah-ubah dari satu tempoh ke tempoh yang lain, terutamanya dalam konteks ekonomi kita yang mana prestasi sektor-sektor utama mudah terdedah kepada ketidaktentuan disebabkan oleh faktor bermusim, jadual penyelenggaraan, perubahan harga global, dan isu-isu seperti gangguan rantai bekalan dan ketegangan geopolitik.

Dalam kata lain, kita perlu melihat nilai sebenar keluaran berbanding prestasi pada masa lalu. Sebagai contoh, walaupun berlaku sedikit penurunan dalam satu tempoh, nilainya mungkin masih lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada tahun-tahun sebelumnya, atau disebabkan pertumbuhan kukuh pada tempoh sebelumnya, yang dikenali sebagai 'kesan asas tinggi'. Oleh yang demikian, kita perlu melihat gambaran keseluruhan tren yang lebih mencerminkan kemajuan sebenar ekonomi kita.

Sebagai langkah kehadapan, mengambil kira prestasi sektor ekonomi yang mudah dipengaruhi oleh cabaran operasi dan cabaran ketidaktentuan luaran termasuk permintaan yang terjejas oleh perubahan tarif, ketidaktentuan geopolitik, usaha berterusan adalah penting untuk memperluas asas ekonomi agar apabila satu sektor terjejas, sektor lain boleh menyokong dan menampung seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Ekonomi (*Economic Blueprint*).

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL283

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai dasar mandatori, mekanisme pemilihan utama kepada pekerja tempatan serta bagaimana cara pemantauan, penempatan semula bagi melindungi kesinambungan kerjaya tenaga kerja tempatan dalam sektor ini? Baru-baru ini, banyak syarikat melepas pekerja dalam industri minyak dan gas, apakah dasar semasa bagi memastikan pekerja tempatan yang berpengalaman dan berkemahiran diberi keutamaan berbanding ekspatriat dalam proses "*right sizing*"?

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat,

- i. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai perkara yang berkaitan dengan kesejahteraan anak-anak tempatan kitani di sektor minyak dan gas.
- ii. Sepertimana jua yang Kaola jelaskan sebelum ini, pelepasan tenaga kerja di sektor hulu minyak dan gas kebanyakannya melibatkan kontrak yang tidak disambung atau tamat selepas projek selesai, selain daripada penyelarasan operasi untuk memastikan syarikat kekal berdaya tahan dan berdaya saing.
- iii. Jabatan Tenaga sentiasa meneliti dan memantau kesejahteraan tenaga kerja tempatan dalam sektor minyak dan gas yang terkesan di dalam proses tersebut, sejajar dengan dasar-dasar yang sedia ada. Antara dasar-dasar yang digunakan ialah Arahan *Bruneianisation* dan Arahan Pembangunan Perniagaan Tempatan (Local Business Development – LBD), yang berperanan penting dalam memastikan keutamaan terus diberikan kepada penglibatan dan pengambilan rakyat tempatan di dalam sektor ini, di samping

menggalakkan penjanaan peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat tempatan.

- iv. Bagi memastikan keutamaan sentiasa diberikan kepada tenaga kerja tempatan yang berkelayakan, Jabatan Tenaga terus memantau pengambilan tenaga kerja asing dalam sektor minyak dan gas melalui saringan dan penapisan yang ketat ke atas permohonan permit pekerja asing. Setiap permohonan akan diteliti secara menyeluruh, termasuk memastikan bahawa jawatan berkenaan telah diiklankan secara terbuka dan meluas kepada warga tempatan. Pertimbangan untuk pengambilan tenaga kerja asing hanya diberikan jika kepakaran tersebut memerlukan kemahiran yang sangat khusus dan pekerjaan-pekerjaan tersebut tidak diisikan oleh anak tempatan.
- v. Seiring dengan itu, Jabatan Tenaga juga menekankan keperluan bagi syarikat-syarikat pengendali utama untuk memperkukuhkan pelan penggantian (succession planning) serta menyediakan pelan pembangunan individu (individual development plans) bagi tenaga kerja tempatan. Usaha ini bertujuan untuk menutup jurang kemahiran, khususnya dalam bidang teknikal dan kepimpinan, dan seterusnya memastikan pelaksanaan penggantian ekspatriat secara bertanggungjawab (responsible expat replacement) dilaksanakan dengan teratur dan berpaksikan kepada kompetensi dan pembangunan sumber manusia tempatan.
- vi. Di samping itu, Jabatan Tenaga bekerjasama rapat dengan Pusat Pekerjaan Brunei, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) menerusi pendekatan yang inklusif dan kolaboratif bagi pepadanan peluang pekerjaan merentas sektor, untuk mengurangkan kesan jangka panjang bagi tenaga kerja tempatan yang terlibat.
- vii. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen berterusan pihak Kerajaan untuk memastikan warga tempatan serta syarikat tempatan diberikan peluang untuk berkembang maju dalam sektor tenaga sebagai tulang belakang kepada kemajuan ekonomi Negara.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL146

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memperkenalkan silibus kebangsaan yang merangkumi literasi kewangan dan pengurusan sumber yang komprehensif, dengan tumpuan kepada pembentukan tabiat berbelanja berhemah, pengurusan hutang secara bertanggungjawab dan pemerkasaan kewangan jangka panjang dalam kalangan pelajar sejak peringkat awal?

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan **PL146** yang diajukan oleh **Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed**.

Kementerian Pendidikan telah diberikan mandat untuk menyediakan dan menyalurkan **pendidikan kewangan melalui kurikulum dan program-program pendidikan bermula diperingkat sekolah rendah hingga institusi pengajian tinggi**.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:

1. Penghasilan **Brunei Darussalam Financial Literacy Competency Framework (BDFLCF)** yang mengintegrasikan pengajaran dan pembelajaran literasi kewangan merentas kurikulum.
2. Pelaksanaan **aktiviti-aktiviti sekolah dan kokurikulum** yang dirancang secara berstruktur seperti Celik Biz, Big Start dan Kelab Keusahawanan.

Berdasarkan hasil pelaksanaan Brunei Darussalam Financial Literacy (BDFL) di sekolah, dikongsikan beberapa **dapatan awal** mengenai pembentukan budaya pengurusan kewangan yang berhemah:

1. **Peningkatan Pengetahuan dan Kesedaran Kewangan:** Pelaksanaan BDFLCF dalam kurikulum bukan sahaja memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai konsep asas kewangan, malah membentuk keupayaan mereka untuk membuat keputusan kewangan yang bijak dan beretika. Pendekatan ini juga memudahkan pemahaman pelajar serta meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan pengurusan dan perancangan kewangan Peribadi;
2. **Penglibatan Pelajar yang Aktif:** Pelaksanaan aktiviti pengajaran yang bersifat praktikal dan interaktif seperti lakonan peranan (role play), simulasi kewangan, permainan pendidikan kewangan serta lawatan sambil belajar dapat menarik minat dan perhatian pelajar; dan
3. **Kemahiran Praktikal:** Pengalaman langsung melalui aktiviti-aktiviti memberikan pelajar gambaran yang lebih jelas tentang pengurusan kewangan dalam kehidupan sehari-hari.

No. Soalan: PL254**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN
HAJI HAMDAN****TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan Kalendar Acara Tahunan Brunei (*Brunei Year Event Calendar*) yang menyenaraikan acara-acara rasmi yang dianjurkan di setiap daerah sepanjang tahun sebagai tujuan mempromosi industri pelancongan tempatan di peringkat domestik dan antarabangsa?

JAWAPAN:

Kalendar Acara Tahunan Brunei memang disediakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan setiap bulan Mac. Walau bagaimanapun, Kementerian mengharap kerjasama yang erat dan berterusan dari seluruh pihak berkepentingan dan mengalu-alukan perkongsian maklumat awal mengenai acara-acara yang dirancang agar dapat dihindungkan dan dipromosikan secara bersepadu dalam satu platform rasmi - sama ada secara digital mahupun bercetak.

Dengan adanya perancangan awal dan senarai acara yang komprehensif, kementerian dapat menyusun strategi pemasaran yang lebih tepat masa, disasarkan dan berimpak tinggi. Ini termasuk pelaksanaan kempen berasaskan acara (Event-based Tourism), promosi digital bersasar, penyediaan pakej pelancongan khas yang selaras dengan tarikh acara, serta penyelarasan promosi bersama syarikat penerbangan, penginapan, agensi pelancongan dan penyedia perkhidmatan berkaitan.

Perancangan ini bukan sahaja membantu menarik pelawat pada waktu strategik, malah memberi peluang kepada semua pemain industri termasuk hotel, restoran, pengusaha pelancongan dan peniaga tempatan untuk menyelaras tawaran mereka seperti promosi diskaun, penambahan kapasiti, atau penyesuaian operasi sempena acara tertentu. Dengan ini, mereka dapat merancang lebih awal dan memaksimumkan manfaat ekonomi daripada peningkatan kemasukan pelawat semasa musim acara.

Pendekatan ini juga membolehkan Kementerian dan rakan industri untuk menyasarkan pasaran yang sesuai, merancang kempen promosi rentas sempadan

yang lebih efektif, serta memberi pelawat - khususnya pelawat antarabangs, insentif yang jelas untuk memilih waktu tertentu dalam tahun untuk melawat Brunei.

No. Soalan: PL197

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengadakan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan klausa pampasan serta tindakan pentadbiran terhadap kementerian yang gagal menyelesaikan aduan dan juga mengadakan sistem bayaran pendahuluan dengan kawalan akauntabiliti yang ketat bagi membantu pengusaha mengurus kos permulaan dan memastikan kelangsungan aliran tunai?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

- i) Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin**.
- ii) Menyentuh mengenai Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), bagi Jabatan Perbendaharaan, TPOR untuk meluluskan pembayaran kepada vendor adalah selama 15 hari waktu bekerja, dan ianya merupakan komitmen Jabatan dalam memastikan kelancaran aliran tunai dan keadilan dalam proses pembayaran Kerajaan. Pencapaian TPOR ini adalah bergantung kepada kerjasama daripada semua pihak berkepentingan dalam memastikan keperluan dan dokumen-dokumen adalah lengkap dan teratur, termasuk juga proses dalaman di setiap Kementerian/Jabatan, bagi memastikan kelancaran proses pembayaran.
- iii) Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap pencapaian TPOR dan tahap kepuasan hati pelanggan bagi agensi-agensi Kerajaan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Selaras jua dengan hasrat untuk menyokong persekitaran yang kondusif dan pro-business, pemantauan pencapaian TPOR oleh pihak MSD akan turut menumpukan kepada perkhidmatan-perkhidmatan utama agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pro-business, termasuklah perkhidmatan memproses pembayaran khusus

bagi pembekal/ peniaga. Namun, apa yang penting juga adalah bagi ketua-ketua jabatan untuk sama-sama komited dan mempunyai akauntabiliti dalam memastikan TPOR masing-masing akan dapat dicapai dengan berkesan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan.

- iv) Manakala bagi tindakan pentadbiran kepada kementerian yang gagal menyelesaikan aduan, sepertimana yang dimaklumi bahawa pengauditan ke atas perbelanjaan Kementerian dan Jabatan ada dibuat oleh pihak Juruaudit Agung. Pengauditan ini ada kalanya termasuk pengauditan ke atas perbelanjaan dan juga dari segi proses dan tempoh pembayaran. Sekiranya terdapat aduan yang melibatkan kerugian kepada pihak Kerajaan, tindakan yang sewajarnya boleh diambil terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang didapati bertanggungjawab.
- v) Selain itu, MSD juga memantau dan menyelaras aduan berkaitan penyampaian perkhidmatan termasuk isu-isu seperti tunggakan bayaran kepada pembekal. Bagi menangani aduan tunggakan bayaran, pihak MSD menyelaras dengan Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam memastikan aduan tunggakan bayaran dapat diselesaikan dengan teratur.
- vi) Dalam pada itu, ke arah pengukuhan pengendalian aduan di agensi-agensi Kerajaan, MSD telah menyediakan **Garis Panduan Sistem Pengendalian Aduan Orang Ramai** yang akan membantu agensi Kerajaan selaku first responder untuk bertindak secara sistematik, meningkatkan akauntabiliti dan memastikan setiap aduan ditangani dengan berkesan. Pihak MSD juga telah memperkenalkan **platform Pemedulian Perkhidmatan Awam**, bagi agensi-agensi kerajaan dan MSD dapat menilai keberkesanan perkhidmatan termasuk tahap kepuasan hati orang ramai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan kepada orang ramai.
- vii) Berhubung pula dengan soalan mengenai klausa pampasan, izinkan kaola untuk menyampaikan penjelasan sepertimana yang dikongsikan oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Ianya merupakan satu mekanisme yang lazimnya ada diselitkan di dalam kontrak atau invois tuntutan pembekal. Walau bagaimanapun, klausa pampasan ini perlulah dipersetujui oleh kedua belah pihak samada pada masa kontrak tersebut ditandatangani atau penerimaan tawaran. Mana-mana pembekal yang ada mempunyai klausa ini bolehlah menuntut kerugian disebabkan kelewatan pembayaran dengan menghadapkan bukti-bukti yang kukuh. Mengambil kira ianya adalah tertakluk kepada Pembekal, maka tindakan juga adalah tertakluk kepada pembekal masing-masing.

-
- viii) Berhubung dengan pembayaran pendahuluan pula, kaedah ini telah digunakan bagi beberapa projek tertentu yang memerlukan pembayaran secara advanced khususnya bagi pembayaran untuk *mobilization* dan bagi projek-projek yang mempunyai risiko yang tinggi, yang mana akan dipertimbangkan secara *case by case basis*. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek yang berskala kecil yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang memerlukan pembayaran pendahuluan, adalah disarankan untuk mendapatkan bantuan melalui agensi-agensi tertentu seperti BEDB dan institusi-institusi kewangan berkaitan yang ada menyediakan bantuan kewangan atau pembiayaan secara pendahuluan atau *startup*.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL282

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauh manakah Program Konsolidasi Fiskal mengaudit aset kerajaan seperti rumah sewa dan harta benda yang mengurus oleh pelbagai kementerian? Adakah Kementerian mempunyai pelan inventori yang menyeluruh untuk mengenalpasti jika terdapat pertindihan dan potensi penjimatan? Bilakah laporan penilaian akan kongsi?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola ingin mengucapkan terima kasih Yang Berhormat **Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** atas pertanyaan berhubung sejauh mana Program Konsolidasi Fiskal mengaudit aset kerajaan seperti rumah sewa dan harta benda yang mengurus oleh pelbagai kementerian.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berkaitan aset-aset Kerajaan Negara Brunei Darussalam khususnya bangunan- bangunan Kerajaan pernah dikongsi dalam sesi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua ke Tujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2021 oleh mantan Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan kaola ingin menambah lagi bahawa perkara ini adalah di bawah pemantauan Kementerian Pembangunan iaitu melalui Jabatan Perkhidmatan Bangunan di bawah Jabatan Kerja Raya yang mana satu *centralized unit* juga telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan yang mana berperanan untuk memantau dan menguruskan bangunan-bangunan Kerajaan yang kosong dan terbiar.

Sehubungan dengan itu jua, Kementerian Pembangunan telah disediakan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-12, bagi pelaksanaan Sistem Aset dan Infrastruktur Kerajaan atau *Government Assets and Infrastructure System* (GAIS), iaitu dengan Harga Rancangan \$5.8 juta, yang mana pada masa ini, projek berkenaan masih dalam peringkat rekabentuk.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat seterusnya jua, di bawah Fiscal Consolidation Programme (FCP), Kementerian-Kementerian adalah digalakkan untuk menilai semula perbelanjaan masing-masing termasuk yang masih dalam perancangan. Ini juga termasuk sekiranya terdapat keperluan untuk membina bangunan baharu, pihak Kementerian berkenaan adalah dinasihatkan untuk membuat perundingan dan perbincangan bersama pihak Kementerian Pembangunan, jika terdapat kesesuaian untuk diberikan bangunan-bangunan yang sedia ada dan kosong untuk digunakan semula.

Selain itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jawatankuasa Khas Pengkorporatan dan Kerjasama Awam Swasta (JK-P-KAS) juga pada masa ini sedang giat meneliti dan mengumpul senarai projek-projek Public-Private Partnership atau PPP dan pengkorporatan yang berpotensi menyumbang kepada penjimatan perbelanjaan kerajaan, khususnya dalam aspek pembelian aset dan pembangunan infrastruktur negara.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL218

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah pendekatan yang diimplementasikan bagi membantu dan mengembangmajukan perniagaan yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan? Adakah juga terdapat *success stories* yang boleh dikongsikan yang berpunca daripada sumbangan bank yang signifikan ke atas perkembangan sektor *MSMEs* negara? Memandangkan kalangan peniaga-peniaga *MSMEs*; khususnya, *start-up business* golongan belia-belia, sukar untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada Bank Usahawan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola ingin mengucapkan terima kasih atas pertanyaan **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof**.

Dalam memastikan perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) di negara ini dapat terus berkembang maju, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) ada juga menyediakan sokongan pembiayaan melalui inisiatif-inisiatif seperti *co-matching scheme*, dan juga dari segi *Bank Financing Facilitation*, di mana BEDB membantu dalam memperkemas permohonan pembiayaan kewangan, di samping memudahcara perbincangan antara pemohon dan institusi kewangan yang terlibat.

Hasil daripada skim-skim tersebut, pihak BEDB telahpun dapat melihat beberapa syarikat yang telah dapat mencatatkan pencapaian peningkatan baik, antaranya yang terlibat dalam kluster makanan. Contohnya satu syarikat yang telah menerima skim *co-matching* tersebut telahpun berjaya meningkatkan pendapatannya sebanyak 429% dari tahun 2020 hingga 2025 dan telah dapat membuka cawangan yang baharu dan juga mengeksport produk mereka ke Republik Singapura dan

Republik Filipina. Syarikat tersebut juga telah berjaya memenangi Anugerah *Proudly Brunei Business Awards (PBBA)* yang diselenggarakan oleh BEDB pada tahun 2024. Ada juga satu contoh syarikat yang berkecimpung dalam sektor akuakultur yang telah berjaya mengembangkan operasi mereka sehingga mengendalikan sebanyak 350 sangkar laut pada tahun 2024, iaitu setelah menerima geran daripada skim *co-matching* di tahun 2023. Ini telah dapat menunjukkan adanya kesan yang positif daripada bantuan yang diberikan BEDB kepada pembangunan MSME di negara kita.

Di samping itu, pihak BEDB juga memberikan bimbingan perniagaan melalui latihan literasi kewangan seperti *Financial Practice for MSMEs*, *Financial Education for Entrepreneurs*, *Financial Statement Analysis and Financial Bookkeeping*. Sejak tahun 2016, lebih daripada 200 sesi telah dijalankan bagi memperkukuhkan tahap literasi kewangan dalam kalangan perniagaan tempatan di Brunei Darussalam.

Pihak BEDB turut bekerjasama rapat dengan institusi-institusi kewangan tempatan dalam memperkukuhkan dan memperluaskan lagi saluran pembiayaan yang inklusif.

Selain daripada penyediaan produk pembiayaan, Bank Usahawan juga aktif dalam menyokong pembangunan kapasiti para usahawan melalui pemberian khidmat nasihat seperti melalui Latihan Literasi Kewangan, Latihan Perakaunan dan Kemahiran Perniagaan, serta juga bekerjasama rapat dengan institusi-institusi Pendidikan di negara ini seperti UNISSA, IBTE dan Politeknik Brunei dan juga pihak-pihak berkepentingan seperti BEDB. Ini akan dapat membantu memastikan bahawa semua MSME tanpa mengira latar belakang akan dapat mempunyai akses yang adil kepada pembiayaan dan peluang pertumbuhan.

Selain itu, institusi-institusi lain seperti Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) juga memainkan peranan yang penting, khususnya jua dari segi penyediaan infrastruktur kewangan yang kondusif untuk memudahkan lagi akses pembiayaan untuk MSME. Antaralainnya, Sistem Biro Kredit (2012), Pendaftaran Cagaran (2016), dan Skor Kredit (2018) telah diperkenalkan bagi menyokong akses pembiayaan, khususnya kepada MSME, melalui penilaian kredit yang lebih objektif, penggunaan cagaran harta alih, serta peningkatan keyakinan institusi kewangan terhadap profil kredit peminjam.

Akhir sekali, satu institusi yang memainkan peranan yang penting dalam ekosistem pembiayaan kepada MSME adalah Bank Usahawan, perkara ini sudahpun dijelaskan secara perinci oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Usahawan Berhad semasa sesi Pertanyaan Lisan PL241 pada 7hb., Ogos, 2025.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL223

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA Khatib DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA Khatib DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan pihak berautoriti dalam memastikan kontraktor mematuhi "*Safe Working on Roads, Health, Safety and Environment Manual 2012*"? Ini memandangkan terdapat kebimbangan keselamatan di zon kerja sementara (*Temporary Work Zones*) akibat ketidak patuhan kontraktor terhadap langkah-langkah keselamatan yang mungkin mendatangkan risiko kemalangan dan kemudaratan di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai keberkesanan penguatkuasaan pihak berautoriti dalam memastikan kontraktor mematuhi "Safe Working on Roads, Health, Safety and Environment Manual 2012.
- Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya bertanggung-jawab bagi pengurusan dan pemeliharaan penggunaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) secara am nya, dengan dibantu oleh agensi-agensi yang berkepentingan dari segi penguatkuasaan, sekuriti dan keselamatannya.
- Penjagaan penggunaan Jambatan SHOAS secara berterusan adalah berpandukan kepada beberapa kaedah logistik termasuklah rondaan sepanjang Jambatan, pemantauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) terutama sekali dalam aspek pengurusan trafik.

Jumlah CCTV	Lokasi
240	Sepanjang jambatan SHOAS dengan jarak 350m memantau trafik
90	Tepi dek jambatan untuk memantau kawasan perairan yang berdekatan
20	Setiap <i>substations</i>
4	Bawah jambatan untuk memantau laluan perkapalan Brunei (Brunei Channel) dan Timur (Eastern Channel)

- Menyentuh mengenai pengurusan trafik, ianya dikategorikan kepada beberapa jenis bergantung dengan tahap gangguan terhadap aliran trafik iaitu:

Penutupan Satu Lorong:

- Salah satu lorong sama ada lorong kiri (*slow lane*) atau kanan (*fast lane*) di hala yang sama di tutup daripada laluan kenderaan
- Melibatkan peralihan sementara aliran trafik daripada dua lorong ke satu lorong di hala yang sama

Laluan kontra (Contra Flow):

- Arah laluan sehala dijadikan laluan dua hala
- Melibatkan peralihan sementara aliran trafik di laluan yang bertentangan arah apabila laluan di arah yang lain ditutup.

Lencongan Jalan:

- Penutupan satu atau kedua-dua lorong di hala yang sama
- Melibatkan peralihan sementara aliran trafik apabila laluan ditutup satu hala atau keseluruhan daripada digunakan oleh semua kenderaan
- Oleh itu setiap kontraktor yang akan mengendalikan kerja-kerja penyelenggaraan aset Jambatan SHOAS dan juga aset agensi-agensi lain hendaklah memohon kebenaran untuk bekerja di atas jambatan melalui permohonan permit-to-work (PTW) daripada Pengarah Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya (JKR). Dalam PTW, pihak kontraktor perlu menyatakan tujuan, tempoh dan lokasi kerja-kerja berkaitan untuk mengenalpasti kawasan kerja sementara (Temporary Work Zone). Setelah kebenaran PTW diberikan, Jabatan Jalan Raya lazimnya akan berhubung dengan pihak kontraktor untuk menghadiri taklimat ringkas mengenai

pengurusan trafik sebelum memulai kerja-kerja fizikal di atas jambatan. Mereka juga dikehendaki menyediakan maklumat seperti berikut:

- Pernyataan kaedah kerja atau *Method statement* untuk mengetahui pelan kerja yang akan dilaksanakan
 - Pelan jadual kerja
 - Pelan susun atur di kawasan kerja sementara termasuk penempatan peralatan, bahan binaan, elektrik, fasiliti seperti tempat rehat dan sebagainya.
 - Pengurusan trafik dalam kawasan kerja sementara jika ianya memerlukan kenderaan berat yang akan keluar dan masuk di kawasan berkenaan
 - Senarai semua pekerja yang terlibat dalam mengendalikan kerja-kerja tersebut
 - Senarai pekerja yang dilantik sebagai orang yang mudah dihubungi
 - Senarai kenderaan termasuk kenderaan berat
 - Menubuhkan Kumpulan kerja dalam Whatapps untuk kemudahan berkomunikasi
- Dalam memastikan pengurusan trafik di Jambatan SHOAS dilaksanakan dengan jayanya, Jabatan Jalan Raya juga mempunyai kontraktor yang dilantik melalui kontrak penggal untuk mengendalikan operasi dan pengurusan keselamatan trafik seperti pemasangan dan penyusunan kon-kon jalan, dan papan tanda keselamatan bagi mengingatkan pengguna untuk mengurangkan kelajuan kenderaan dan berhati-hati apabila melalui kawasan kerja sementara.
 - Dalam pemantauan dan penguatkuasaan pihak Autoriti Jambatan sejauh ini, mendapati pihak kontraktor telah mematuhi peraturan keselamatan jalan raya seperti yang dinyatakan dalam Manual 2012. Mengikut laporan insiden kemalangan melalui CCTV, setakat ini dari tahun 2020, sebanyak 28 kes direkodkan yang menunjukkan pelanggaran kepada langkah keselamatan (kon-kon dan lampu tanda jalan) adalah diakibatkan oleh kecuaiannya pengguna jalan raya.
 - Selain ini, faktor cuaca seperti hujan berangin juga secara tiba-tiba menyebabkan kon-kon jalan tersasar, lampu amaran tumbang yang boleh membahayakan pengguna-pengguna jambatan.
 - Sebagai langkah tambahan penambahbaikan keselamatan, Autoriti Jambatan Brunei telah melaksanakan dua (2) pemeriksaan bersama Road Safety and Enforcement Unit (RSE), Jabatan Jalan Raya dan sebarang ketidakpatuhan atau dapatan terhadap kontraktor telahpun diberi teguran.

-
- Di sini pihak pengguna jalan raya khasnya Jambatan SHOAS adalah diperingatkan lagi untuk senantiasa berhati-hati dan lebih peka dengan tanda-tanda amaran dan keselamatan yang ditempatkan di jalan raya terutama sekali pada waktu malam dan cuaca hujan.
 - Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof.

No. Soalan: PL278**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN****TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menyusun semula pelaksanaan projek mega RKN12 kepada pakej lebih kecil bagi kelangsungan perniagaan tempatan? Di samping ini apa perancangan bagi mewajibkan kuota subkontrak, menggalakkan usahasama, dan melaksanakan pemantauan telus untuk memperkukuh penyertaan kontraktor tempatan secara sistematik dan mampan?

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin yang telah mengajukan soalan mengenai projek-projek mega di bawah RKN 12 untuk disusun semula kepada pakej yang lebih kecil serta usaha dalam memperkukuhkan penyertaan kontraktor-kontraktor tempatan.
- Bagi menjawab persoalan ini, sukacita dimaklumkan bahawa di dalam setiap tawaran memang diperuntukkan dalam jadual tawaran pernyataan penglibatan sub-kontraktor-sub-kontraktor yang berdaftar. Lazimnya kontraktor utama bagi mega projek ada mengambil subkontraktor yang dimiliki oleh warga tempatan bagi melaksanakan kerja-kerja khusus walaupun tidak ada kuota ditetapkan. Manakala bagi projek yang mungkin memerlukan penglibatan syarikat luar negara, syarikat berkenaan perlu ada usahasama (joint venture) dengan syarikat tempatan yang berdaftar dengan ABCi. Dalam perkara ini, Kementerian masih meneliti keperluan untuk mewajibkan pengambilan subkontrak kerana melihat kepada tahap kepakaran, ketersediaan jentera dan peralatan dan kapabiliti syarikat pembina tempatan dalam perlaksanaan projek mega.
- Sepertimana lazimnya jua, usahasama di antara Kontraktor Utama dan sub-contractor bagi projek-projek di bawah RKN 12 masih menjadi amalan seperti contoh berikut:
- Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan Gadong Fasa 2, Pintu Malim dan Stesen-Stesen Pengepam Pembetulan dengan harga projek berjumlah \$8,188,880.00 yang telah bermula perlaksanaannya pada 25 Februari 2025,

mempunyai 5 penyertaan sub-kontraktor dari syarikat tempatan dengan skop kerja seperti berikut:

- a) Parm Sdn Bhd – Kerja-kerja Mekanikal, perpaipan dan sebahagian kerja-kerja sivil.
 - b) PDN Sdn Bhd – Kerja-kerja elektrik dan penanaman kabel
 - c) Progressive Impact Technology (B) Sdn Bhd – Sistem SCADA bagi kawalan jarak jauh dan pengumpulan data
 - d) Brutech Corp - Instrumentation
 - e) TBT Sdn Bhd – Kerja-kerja piling
- Projek Membina Stesen Pengepam Air Mentah Baharu Badas dan Memasang Paip Air Mentah dari Badas ke kawasan SPARK dengan jumlah kontrak \$21,111,112.00 yang mempunyai 7 sub-kontraktor yang terdiri dari syarikat Pembina tempatan yang berdaftar dengan ABCi, dengan skop kerja seperti syarikat berikut:
 - a) Energy Heavy Equipment Sendirian Berhad bagi kerja-kerja Piling
 - b) Kim Engineering Sdn Bhd bagi kerja-kerja Pipe Jacking
 - c) Bhaskar Sdn Bhd bagi Kerja-Kerja Struktur
 - d) Steel Max Asia Sdn Bhd bagi Kerja-Kerja Welding
 - e) GWS Engineering Sdn Bhd juga bagi Kerja-Kerja Welding
 - f) Elmech Engineering Sdn Bhd bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik untuk pam
 - g) Adabena Sdn Bhd bagi Kerja-Kerja Elektrikal
 - Secara keseluruhannya, Kementerian Pembangunan melalui amalan sedia ada terus menyokong penyertaan kontraktor tempatan melalui pelaksanaan sub-kontrak dan usahasama dalam projek-projek yang dilaksanakan. Walaupun tiada kuota khas yang ditetapkan pada masa ini, penyertaan aktif kontraktor tempatan sentiasa digalakkan dan dipantau demi memperkukuh ekosistem industri pembinaan negara.
 - Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Sekian sahaja yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin tersebut.

No. Soalan: PL152

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian menilai keperluan untuk memperkenalkan satu pendekatan yang lebih menyeluruh dan berasaskan impak dalam merancang serta menilai projek infrastruktur berskala kecil di kawasan daerah, agar peruntukan awam yang disalurkan benar-benar memberi nilai tambah kepada keperluan asas dan mengangkat taraf kehidupan penduduk setempat?

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mengenai persoalannya berkenaan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam penyediaan infrastruktur berskala kecil di kawasan daerah.
- Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan sememangnya telah melaksanakan pendekatan menyeluruh dalam merancang serta menilai projek berskala kecil di kawasan daerah dilaksanakan di 2 peringkat, iaitu Peringkat Perancangan Guna Tanah dan Pengurusan Kemajuan.
- Antara projek-projek infrastruktur berskala kecil yang telah dilaksanakan adalah:
- Jabatan Jalan Raya:
 - Pembinaan letak kereta bahu jalan di Jalan Kasat berdekatan Kampong Bolkiah,
 - Pemeliharaan jalan raya secara berterusan seperti pemotongan rumput, pembersihan jalan dan pembaikan jalan berlobang (potholes)
 - Pemasangan lampu isyarat di Jalan Lumapas / Jalan Kasat
- Di bawah Jabatan Perkhidmatan Air:
 - Melaksanakan pembaikan dan pertukaran injap dan pam yang lama dan rusak bagi loji rawatan air Barun, Loji Rawatan air layong dan loji rawatan Mangkubau

-
- Program penyucian tangki-tangki untuk menghilangkan kotoran, sedimen, dan mikroorganisma yang mungkin telah terkumpul;
 - Operasi semula 9 tangki lama yang tidak digunakan bagi meningkatkan kapasiti penyimpanan air dan mengurangkan risiko kekurangan air.
 - Di bawah Jabatan Saliran dan Pembetulan:
 - Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran seperti Pembinaan longkang RC di Spg 598 Kg Belimbing Subok;
 - Kerja-kerja penyelenggaraan saliran secara berterusan;
 - Kerja-kerja pengawalan hakisan seperti Kerja-kerja Perlindungan Pantai Di Jalan Kecil Lumut, Sg Tali.
 - Kementerian Pembangunan sentiasa menitikberatkan pelaksanaan projek infrastruktur termasuk yang berskala kecil, agar memberi impak positif kepada masyarakat setempat dan mendukung agenda pembangunan yang mampan dan inklusif.
 - Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan bagi soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Zainol tersebut. Sekian Terima Kasih.

No. Soalan: PL216

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi menjadikan Hutan Rekreasi Pulau Selirong sebagai tarikan pelancong domestik dan antarabangsa, selaras dengan matlamat pemuliharaan dan prinsip pelancongan lestari melalui kerjasama agensi pemasaran dan pelancongan untuk menaikkan taraf hutan tersebut dengan peruntukan BND\$1.58 juta di bawah RKN12?

JAWAPAN:

Sebagai salah satu langkah strategik untuk memperkukuhkan pelancongan berasaskan alam semula jadi dan penyelidikan biodiversiti, Projek Menaiktaraf Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong ini merangkumi:

- Menaik taraf **Pos Kawalan** bagi keselamatan dan pengurusan kemasukan; dan
- Pembinaan **Pusat Informasi** baharu lengkap dengan pameran interaktif mengenai biodiversiti hutan bakau.

Inisiatif ini diharap akan:

- Meningkatkan daya tarikan ekopelancongan domestik dan antarabangsa, khususnya pelancong yang meminati alam semula jadi dan penyelidikan.
- Meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pemuliharaan ekosistem bakau.
- Peningkatan kemahiran dan cara-cara penyampaian produk ekopelancongan dan pelancongan alam semulajadi yang lebih menarik, interaktif dan mesra pelanggan.
- Memperluas peluang penyelidikan dan pendidikan, menjadikan Pulau Selirong sebagai pusat penyelidikan hutan bakau yang berdaya saing di peringkat serantau.

Sebagai langkah awal, kementerian telah memulakan penambahbaikan infrastruktur secara berperingkat. Pada **Jun 2025**, bersempena **Mid-Year Conference and Exhibition-MYCE, Ekspedisi Hutan ke Terumbu Karang** telah dianjurkan dan berjaya menarik 38 penyelidik dan peserta dari dalam dan luar negara. Mereka

meneroka kekayaan biodiversiti hutan bakau di Hutan Pulau Selirong, sekali gus memperlihatkan potensi kawasan ini sebagai tapak penyelidikan dan pendidikan biodiversiti yang signifikan di peringkat serantau.

Bagi merealisasikan Hutan Rekreasi Pulau Selirong sebagai tarikan pelancong domestik dan antarabangsa, satu pendekatan Public & Private Partnership akan di ambil. Taman ini dikenalpasti sebagai kawasan yang berpotensi untuk di tawarkan kepada pelabur-pelabur bagi dimajukan sebagai resort pelancongan yang berteraskan pemuliharaan alam semula jadi.

Inisiatif ini mencerminkan pendekatan **proaktif dan berperingkat** oleh kementerian: menggunakan apa yang ada, sambil merancang untuk impak jangka panjang — menyokong matlamat **pelancongan lestari, Wawasan Brunei 2035**, dan **pemeliharaan alam semula jadi negara**.

No. Soalan: PL244

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha kerajaan untuk memastikan peniaga dan pengusaha tempatan dalam sektor makanan dan minuman, pertanian, dan agrikulturan dapat mengembangkan produk mereka ke peringkat global, memandangkan banyak produk berkualiti sudah ada di pasaran tempatan, di samping melihat kejayaan negara lain yang mensubsidi syarikat mereka untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola menjawab soalan dari Yang Berhormat Pengiran Haji Isa.

Buat masa ini pihak Kementerian tidak ada perancangan dasar untuk memberikan subsidi kepada syarikat-syarikat yang telah mengeksport produk-produk pertanian ke luar negara seperti Singapura dan Malaysia. Kementerian ini memang giat menjalankan usaha akses pasaran dengan kerjasama BEDB dan pihak BEDB memberikan bantuan pemudahcara bagi syarikat-syarikat untuk mengeksport ke luar negara tertakluk kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak BEDB.

Kementerian ini juga menggalakkan penerokaan pasaran eksport demi menjamin peluang pertumbuhan perniagaan dan pertumbuhan KDNK melalui inisiatif melaksanakan kerjasama dan perolehan maklumat dengan pelbagai agensi swasta dan Kerajaan, penyediaan G to G platform iaitu konsultasi antara *competent authority* Negara ini dengan *competent authority* negara pengimport untuk memudahkan perundingan dan pengeksportan hasil pertanian ke Negara destinasi.

Program for Domestic and Export Market Facilitation:

Market Access Platform Bruneian Made disasarkan sebagai platform penjualan bermula pada outlet utama Bruneian Made dan sekiranya mempunyai *high sales* akan dilaratkan kepada outlet / kiosk Bruneian Made di pasaraya-pasaraya tempatan. Platform Bruneian Made ini juga sebagai persediaan produk-produk makanan tempatan untuk menembusi pasaran eksport di bawah *Export Facilitation Program* BEDB.

Langkah-langkah untuk meningkatkan pasaran eksport:

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus mendokong pasaran eksport negara dengan mempertingkatkan usaha bagi mencapai pertumbuhan keluaran hasil pertanian yang lebih pesat dan mampan dan menggalakkan pengusaha untuk meneroka pasaran eksport demi menjamin peluang pertumbuhan perniagaan dan pertumbuhan KDNK. Di antara langkah-langkah/strategi yang dilaksanakan untuk meningkatkan pasaran eksport ialah:

1. Penyediaan G to G platform iaitu perundingan antara competent authority di Negara ini dan competent authority di negara pengimport.
2. Mengukuhkan perkhidmatan mendokong eksport:
 - Peningkatan infrastruktur dan kemudahan makmal bertaraf antarabangsa
 - Pengiktirafan makmal-makmal melalui akreditasi makmal ISO/IEC 17025 daripada Pertubuhan Akreditasi Antarabangsa
 - Bekerjasama dengan pihak Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) mengenai pembangunan piawai keselamatan makanan yang relevan pada masa kini
 - Memudahkan dalam pengeluaran dokumen-dokumen keperluan eksport, seperti:
 - Sijil Fitosanitari
 - Sijil Kesihatan Veterinar
 - Memberi perkhidmatan konsultansi kepada syarikat / pengusaha dalam mempersiapkan dan memastikan ladang / premis syarikat adalah export-ready, sebelum pengauditan dilaksanakan oleh Competent Authority daripada Negara Pengimport
3. Mempertingkatkan kapasiti pengeluaran pengusaha dan juga pematuhan piawai / standard berkenaan dengan pengurusan ladang tanaman, penternakan dan perkilangan untuk mencapai pengiktirafan seperti berikut:
 - Amalan Pertanian Baik Brunei (Brunei GAP)
 - Amalan Perladangan Ternakan Yang Baik (Good Animal Husbandry Practices (GAHP))
 - Analisa Bahaya Titik Kawalan Kritikal (Hazard Analysis Control Critical Point (HACCP))
 - Amalan Perkilangan Baik (Good Manufacturing Practices (GMP))
4. Bekerjasama dengan agensi luar, seperti BIACC Sdn Bhd dan BEDB berkaitan dengan rangkaian sejuk.

Program Kesediaan Eksport

Selain langkah-langkah yang telah dilaksanakan di atas, Bahagian Biosekuriti dan Akses Pasaran juga telah mengadakan satu bengkel di bawah Program Kesediaan Eksport, bertajuk *Poultry Export Readiness*. Objektif program tersebut adalah untuk menyediakan platform bagi para pengusaha ternakan ayam mengetahui perancangan dan sasaran Kementerian ini dalam menembusi pasaran eksport. Di samping itu, ianya bertujuan untuk menilai kesediaan semasa ladang pengusaha ternakan ayam dan meningkatkan kesedaran para pengusaha mengenai syarat-syarat import daripada luar negara, seperti Negara Republik Rakyat China dan Negara Filipina.

No. Soalan: PL210

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 07.08.2025 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauh manakah pencapaian dan perkembangan pembangunan perusahaan tempatan telah dicatatkan setakat ini memandangkan banyak syarikat telah menerima sokongan, termasuk dalam pertumbuhan pendapatan, keuntungan, kelangsungan syarikat, kebolehpasaran luar negara serta peluang pekerjaan?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola ingin mengucapkan terima kasih **Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** atas pertanyaan berhubung dengan sejauh manakah pencapaian dan perkembangan pembangunan perusahaan tempatan telah dicatatkan setakat ini. Alhamdulillah, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) terus komited untuk mendokong dan membimbing perusahaan tempatan untuk mencapai tahap perusahaan yang *business resilience*, *scalable* dan *export-ready*.

Di bawah ekosistem BEDB, pelbagai program dan inisiatif telah pun dilaksanakan bagi memberi bantuan dan sokongan kepada perusahaan-perusahaan MSME tempatan, yang mana setakat ini antaranya meliputi usaha-usaha seperti:

- Penjanaaan lebih dari BND 3 juta nilai kontrak melalui penyediaan pembekalan barangan dan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat besar di bawah program DARELinks;
- Pelaburan lebih dari BND 5 juta dalam bentuk pembiayaan alternatif ke dalam perusahaan tempatan khususnya bagi mendukung penubuhan *innovative startups* ;
- Melalui inisiatif Skim *Co-Matching*, pembiayaan sejumlah lebih dari BND 1.5 juta telahpun diberikan bagi mendukung perkembangan operasi;
- Penyediaan platform-platform jualan melalui inisiatif seperti Bruneian Made, MSME Festival, Kontena Park dan ekspo lain-lainnya yang mana telah berjaya menghasilkan lebih dari BND 8 juta hasil jualan;

- Penyediaan program latihan dan pembangunan keusahawanan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam menjalankan dan mengembangkan perniagaan;
- Selain itu, terdapat juga program dan inisiatif yang lain-lain seperti Startup673, Brunei Innovation Lab, Accelerate, Micro Bootcamp, Academy for Women Entrepreneurs (AWE), Kontena Park, iCentre, dan Elevate.

Alhamdulillah, daripada program, inisiatif dan bantuan yang telah dilaksanakan, lebih dari 700 perniagaan baharu telahpun berjaya diwujudkan, yang mana seterusnya telah dapat menjana lebih dari 2 ribu peluang pekerjaan.

Beberapa perkembangan ketara juga telah dilihat dicapai oleh MSME yang diberikan bantuan dan sokongan. Ini termasuk perkembangan dari segi pertumbuhan hasil (*revenue growth*) yang mana antaranya telah mencatat pertumbuhan positif dan telah dapat mengembangkan lagi saiz perusahaan mereka seperti dari peringkat mikro ke peringkat kecil atau peringkat sederhana, iaitu mengikut definisi MSME yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Usaha-usaha yang telah dijalankan telah juga dapat membantu beberapa perusahaan MSME yang beroperasi secara *home-based*, untuk mengembangkan operasi mereka dari segi peningkatan kapasiti pengeluaran dan berjaya mengalihkan operasi mereka ke kompleks komersil dan industri.

Selain itu, ada juga beberapa perusahaan MSME yang berjaya untuk mempertingkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka sehingga mampu menembusi pasaran eksport. Sejak tahun 2023 hingga bulan Jun 2025, pihak BEDB telahpun berjaya membantu memudahcara kira-kira 22 perusahaan tempatan untuk menembusi pasaran eksport ke negara luar, iaitu termasuk Malaysia, Republik Singapura, Republik Indonesia, Republik Filipina, dan Thailand.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, namun begitu, adalah diakui juga bahawa kemajuan yang dicapai masih bersifat bertahap dan berbeza mengikut sektor serta daya saing setiap perusahaan masing-masing. Insya-Allah usaha berterusan akan giat dijalankan untuk menambah baik penyelarasan program-program bantuan, membina ekosistem yang lebih kondusif, serta memperkuat pemantauan dan penilaian impak bagi memastikan perusahaan tempatan bukan sahaja bertahan, tetapi berupaya berkembang dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.